

Bil. S 7

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENGANGKATAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 8 dari Penggal 206.
 3. Pemasukan bab-bab 9A dan 9B baru.
 4. Penggantian bab 11.
 5. Pindaan bab 16.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENGANGKATAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam (Pindaan), 2012.

Pindaan bab 8 dari Penggal 206.

2. Bab 8 dari Akta Pengangkatan Kanak-Kanak Dalam Islam, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam cerai (9) —

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong “atau” dari baris akhir;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan memotong noktah dari baris akhir dan menggantikannya dengan “; atau”;
- (iii) dengan menambah perenggan baru yang berikut —

“(c) pemohon atau kanak-kanak tersebut tidak lazimnya bermastautin di Negara Brunei Darussalam.”;

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

“(11) Perintah pengangkatan kanak-kanak tidak boleh dibuat melainkan jika kanak-kanak itu berada dalam penjagaan dan pemeliharaan pemohon secara berterusan bagi suatu tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum permohonan bagi perintah pengangkatan kanak-kanak dibuat.”

Pemasukan bab-bab 9A dan 9B baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 9 —

“Penjagaan kanak-kanak.

9A. (1) Mahkamah boleh, pada bila-bila masa, dengan perintah, meletakkan seseorang kanak-kanak dalam penjagaan orang yang mengangkat atau memulangkan kanak-kanak itu kepada ibu bapanya.

(2) Jika terdapat hal keadaan khas yang menyebabkannya tidak patut bagi kanak-kanak itu diletakkan dalam penjagaan mana-mana orang yang disebut dalam cerai (1), Mahkamah boleh memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam penjagaan mana-mana orang lain atau mana-mana institusi sebagaimana yang difikirkan patut oleh Hakim Syar'ie.

(3) Bagi menentukan dalam penjagaan siapa kanak-kanak itu akan diletakkan, Mahkamah hendaklah mengambil kira *masalah* kanak-kanak itu.

Permohonan untuk membatalkan perintah pengangkatan kanak-kanak.

9B. (1) Orang yang mengangkat ingin menghentikan pengangkatan seseorang kanak-kanak hendaklah membuat suatu permohonan, dalam borang dan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Mahkamah, bagi perintah pengangkatan kanak-kanak itu dibatalkan.

(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), Hakim Syar'ie hendaklah mempunyai kuasa untuk membatalkan perintah pengangkatan kanak-kanak jika dia berpuas hati bahawa, dalam hal keadaan tertentu, adalah munasabah bagi *masalah* kanak-kanak itu untuk berbuat demikian.”

Penggantian bab 11.

4. Bab 11 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Syarat-syarat perintah pengangkatan kanak-kanak.

11. (1) Hakim Syar'ie dalam membuat perintah pengangkatan kanak-kanak boleh mengenakan syarat-syarat yang pada pendapat Hakim Syar'ie adalah perlu dan mustahak.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna cerai (1), Hakim Syar'ie boleh mengenakan syarat-syarat yang berikut —

(a) membuat peruntukan-peruntukan bagi penjagaan, nafkah, pendidikan dan pengawasan kebajikan kanak-kanak itu dan boleh sebaliknya menghendaki orang yang mengangkat kanak-kanak itu untuk memberikan suatu bon; dan

(b) tertakluk kepada bab 9B, menghendaki orang yang mengangkat kanak-kanak itu untuk membuat suatu permohonan bagi membatalkan perintah pengangkatan kanak-kanak itu jika dia ingin menghentikan pengangkatan kanak-kanak itu.”.

Pindaan bab 16.

5. Bab 16 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memasukkan “atau perintah sementara” sejurus selepas “perintah pengangkatan kanak-kanak”;

(b) dengan memasukkan “atau perintah sementara” sejurus selepas “perintah pengangkatan kanak-kanak” dalam baris pertama;

(c) dengan memasukkan “atau orang yang kepadanya perintah sementara dibuat” sejurus selepas “orang yang mengangkat kanak-kanak itu” dalam baris kedua dan ketiga;

(d) dengan memasukkan “atau mana-mana terma berkaitan dengan perintah sementara” sejurus selepas “perintah pengangkatan kanak-kanak” dalam baris kelima.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM